

KENYATAAN MEDIA

Anak syarikat Fintech SEDANIA memenangi anugerah kedua tahun ini

SEDANIA As Salam diiktiraf dengan anugerah Best Islamic Fintech Malaysia 2023 oleh GFM Review

KUALA LUMPUR (26 APRIL): SEDANIA Innovator Bhd (“SEDANIA”) hari ini mengumumkan bahawa unit Fintechnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”) telah diiktiraf dengan anugerah *Best Islamic Fintech Malaysia 2023* oleh Global Financial Market (GFM) Review, sebuah portal berita dalam talian yang memberi tumpuan kepada industri kewangan global.

Anugerah terbaharu ini merupakan pengiktirafan kedua SEDANIA As Salam tahun ini daripada badan penganugerahan antarabangsa, seterusnya mengesahkan keupayaan fintech Islamnya yang telah menjadi asas rekod prestasinya dalam memperkasakan perbankan Islam dengan teknologi melalui kira-kira 95 pelanggan perkhidmatan institusi kewangan (FSI).

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam, Nisa Ismail mengulas, “Sebagai akreditasi kedua yang dianugerahkan kepada SEDANIA As Salam tahun ini, ia adalah bukti selanjutnya kepada keupayaan penyelesaian fintech Islam kami yang inovatif dalam menetapkan arah tuju dan menjadi asas bagi pendigitalan operasi perbankan Islam dalam industri perkhidmatan kewangan.

“Kami sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kewangan patuh Syariah menjadi lebih lestari dan mudah diakses untuk rakyat dan FSI dengan memacu penggunaan skala yang lebih besar bagi ekosistem digital yang cekap untuk kewangan Islam. Ini akan didorong terutamanya oleh komitmen kami yang tidak berbelah bahagi terhadap inovasi dan penerokaan teknologi baharu tanpa henti seperti yang disaksikan melalui portfolio penyelesaian fintech Islam kami yang semakin berkembang termasuk platform dagangan komoditi digital As-Sidq teras kami, Program Pembiayaan GoHalal untuk pembiayaan Islam digital, serta platform hibah digital yang akan datang untuk memudahkan perancangan harta pusaka dan pewarisan Islam.

Secara keseluruhan, anugerah ini bukan sahaja mengesahkan usaha kami, tetapi juga berpotensi meningkatkan prospek kami untuk berkembang di luar Malaysia dan mendapat pengiktirafan global. Ini memberi kami keyakinan untuk membina lebih lanjut kerjasama strategik sedia ada kami dengan pemain teknologi global untuk mempercepatkan penggunaan perbankan digital.

Pada 21 Mac 2023, SEDANIA As Salam memperoleh anugerah untuk *Best Islamic Fintech Solutions Provider in Malaysia* daripada penerbitan perniagaan global *World Business Outlook* dalam edisi anugerahnya untuk 2023.

Di samping pengiktirafan terbaharu oleh GFM Review, pencapaian-pencapaian ini memberi pengesahan lagi kepada kepakaran fintech Islamik SEDANIA As Salam.

-TAMAT-

Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, adalah penyedia teknologi yang memperkasakan institusi kewangan dengan penyelesaian teknologi kewangan Islam yang inovatif dan membolehkan transformasi perbankan digital yang lancar.

Secara terasnya adalah As-Sidq, sebuah platform dagangan komoditi digital patuh Syariah dipatenkan yang diperkasakan oleh perkhidmatan proprietari telcotech perkongsian waktu berbual atau Airtime Sharing (ATS) untuk memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan Tawarruq (komoditi murabahah) institusi kewangan. Sehingga kini, platform As-Sidq telah memperkasakan hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Sebagai rakan kongsi eksklusif syarikat amanah patuh Syariah terkemuka Wasiyyah Shoppe, ia juga menawarkan penyelesaian perancangan kekayaan dan pengurusan pusaka kepada masyarakat Islam melalui platform hibah digital hujung ke hujung yang lengkap dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe, syarikat amanah patuh Syariah No. 1 di Malaysia.

Dengan penyelesaian fintechnya yang disesuaikan ke arah menambah baik rangkuman kewangan dengan meluaskan akses kepada pembiayaan secara digital dalam kalangan komuniti dan perkhidmatan telcotech ATSnya yang membolehkan pengguna mudah alih berkongsi kredit masa siaran antara satu sama lain dari lokasi yang berbeza, Sedania As Salam Capital berada pada kedudukan yang strategik untuk meningkatkan kehidupan secara lestari untuk pengguna melalui rangkaian teknologi inovatifnya yang sentiasa berkembang.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian teknologi kewangannya.

Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6017 2407 881

Emel: media@sedaniainnovator.com